

EK

ECONEWS

M'SIA BERUPAYA JADI PUSAT PEMBUATAN KENDERAAN BERMOTOR

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) — Malaysia yang telah berjaya mengeluarkan kereta nasional, kini menuju pula menjadi sebuah pusat pembuatan kenderaan bermotor apabila ia menandatangani satu perjanjian dengan Korea Selatan hari ini untuk mengeluarkan trak ringan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata jika kenderaan itu bermutu tinggi serta harganya berdaya saing, ia harus dieksport dan langkah seterusnya dapat menjadikan negara ini sebagai pusat pembuatan kenderaan bermotor.

Masanya sudah tiba bagi negara ini mengeluarkan kenderaan perdagangannya sendiri supaya dapat menawarkan kenderaan yang bermutu pada harga yang berpatutan kepada umum, kata beliau sebelum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu di sini hari ini.

Projek pembuatan Kenderaan Perdagangan Nasional (MNCV) bernilai RM200 juta itu akan dikendalikan secara usahasama oleh Berjaya Group Bhd, Hyumal Motor Sdn Bhd dan Koperasi Polis DiRaja Malaysia Bhd dengan Hyundai Motor Company dari Korea Selatan.

Pihak-pihak yang mengadakan usahama itu akan memegang saham dalam sebuah syarikat yang dikenali sebagai Industri Otomotif Komersial (M) Sdn Bhd (Inokom) yang akan mengendalikan projek tersebut.

Pada permulaannya, MNCV yang akan menjadi kenderaan perdagangan Malaysia yang pertama, akan dikeluarkan berasaskan model trak satu tonne Hyundai, iaitu Porter dengan beberapa pengubahsuaian.

Kuasa enjinnya ialah kira-kira 2500 cc dengan transmisi manual lima kelajuan. Harga di atas jalan raya kenderaan itu dijangka berdaya saing dengan model-model kenderaan perdagangan ringan yang lain.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia yang mencatat kemajuan pertumbuhan mampan dan konsisten telah mengenalpasti keperluan untuk mengeluarkan kenderaan perdagangannya sendiri.

"Permintaan terhadap kenderaan ini telah meningkat dari setahun ke setahun dan harga import bagi bahagian-bahagian belum pasang (CKD) kenderaan ini terus bertambah dan membawa bersamanya inflasi yang diimport," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata industri pengangkutan merupakan salah satu daripada sektor yang diberi perhatian utama oleh kerajaan untuk membendung inflasi.

Malaysia mula menceburi industri pembuatan kereta pada tahun 1980-an apabila ia melancarkan projek kereta nasional - Proton Saga. Projek kereta nasional kedua yang berorientasikan kereta kecil, Daihatsu Mira baru sahaja dimulakan.

"Dengan kemunculan projek kereta mini dan MNCV ini, jumlah kenderaan bermotor yang dikeluarkan di negara ini akan menjadi cukup besar sehingga dapat mengimbangi pelaburan dalam komponen-komponen yang lebih mahal," kata beliau.

"Dengan ini juga, Malaysia berupaya menjadi pusat pembuatan komponen kenderaan bermotor," tambah beliau. -- Bernama